

12/09/1997

Nilai ringgit dipasti stabil

ULAN BAATAR, Khamis - Kerajaan akan memastikan nilai ringgit terus stabil walaupun ia mencatat pada kadar yang rendah, di samping mengambil kesempatan daripada kejatuhan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejatuhan ringgit sukar ditangani kerana kerajaan kurang berupaya bagi mempertahankannya daripada serangan manipulator yang membabitkan mereka yang sangat kaya dan mencari keuntungan daripada orang miskin.

Dr Mahathir menjawab soalan seorang wartawan agensi berita asing dalam sidang akhbar di akhir lawatan rasmi empat hari ke Mongolia, hari ini.

"Sebenarnya, tidak ada sebab kita perlu mengalami kejatuhan nilai ringgit. Malangnya, peniaga mata wang khususnya mereka yang kaya bertindak untuk membuang ringgit di pasaran.

"Mereka ini bertindak menekan nilai ringgit dan pada masa yang sama membolehkan mereka mengautkan keuntungan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, apa yang berlaku di Thailand dan Malaysia sebenarnya tiada kaitan langsung. Ini kerana asas ekonomi Malaysia amat kukuh.

(END)